



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 8/2022

PENETAPAN KADAR BAHARU BAGI JAMUAN UNIVERSITI, KELAYAKAN PAKEJ HOTEL DAN-KERAIAN PENSYARAH/ PROFESOR PELAWAT

1. TUJUAN

- 1.1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan penetapan kadar baru dan syarat yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTj) berkenaan:
 - a) Kadar Jamuan Universiti
 - b) Kadar Kelayakan Pakej Hotel
 - c) Kadar Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. Semakan dan perubahan kadar yang sedang berkuatkuasa masa ini perlu dilaksanakan bagi mengambil kira keperluan dan hasrat Universiti dalam menyokong aktiviti penjanaan pendapatan serta mengoptimumkan perbelanjaan dengan nilai terbaik selari dengan konsep perbelanjaan berhemah.
- 2.2. Disamping itu, Universiti juga menyokong hasrat dan arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi melalui Surat Pekeliling Dalaman Kewangan Bil. 1/2022 (rujukan: KPT.400-2/5/1 (92)), agar semua agensi dibawah KPT melaksanakan langkah-langkah mengoptimumkan sumber selaras dengan arahan daripada Kementerian Kewangan Malaysia (Pekeliling Perbendaharaan WP1.4 dan WP1.10).
- 2.3. Bagi memastikan kedudukan kewangan Universiti lebih kukuh pada masa hadapan, adalah wajar cadangan dan penetapan kadar baru dibangunkan untuk digunakan oleh seluruh warga Universiti.

3. TAFSIRAN

3.1. Kadar Jamuan Universiti

- a) “**Keraian Rasmi**” bermaksud jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/program rasmi Universiti/PTj dengan menggunakan peruntukan Universiti. Antara

aktiviti/program yang boleh dikategorikan dibawah “Keraian Rasmi” adalah seperti berikut:

- i. Bengkel persidangan di peringkat Universiti dan PTJ.
 - ii. Majlis rasmi Universiti/perasmian atau penutup yang wajib dianjurkan di peringkat Universiti/PTJ.
 - iii. Meraikan tetamu luar samada dari dalam atau luar Negara yang wajib dianjurkan berkaitan urusan rasmi Universiti.
 - iv. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh pihak pengurusan Universiti atau PTJ termasuk pegawai Pengurusan & Profesional (P&P)
 - v. Mesyuarat yang melibatkan jemputan luar atas urusan rasmi Universiti.
- b) **“Jemputan Luar”** bermaksud wakil agensi luar/ bukan warga Universiti yang dijemput menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Universiti.
- c) **“Mesyuarat”** bermaksud sesuatu perbincangan atau yang seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi universiti; dan
- d) **“Mesyuarat Pengurusan Tertinggi”** bermaksud mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi/ Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor.

3.2. Kadar Kelayakan Pakej Hotel

- a) **“Ibu Pejabat/ Stesen”** bermaksud tempat biasa seseorang pegawai melaporkan diri untuk bertugas dimana lingkungan jarak pentadbirannya adalah 25km dari ibu pejabatnya.
- b) **“Peserta kepada Pakej”** adalah terdiri daripada dua (2) kategori:
- i. **“Kakitangan”** bermaksud kakitangan lantikan tetap berkhidmat di UKM termasuk yang dilantik secara sementara/ kontrak/ sandaran/ sangkutan termasuk lantikan kakitangan dibawah RA (Research Assistant); dan
 - ii. **“Pelajar”** bermaksud seseorang pelajar berdaftar dengan UKM yang mengikuti kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan termasuk lantikan GRA (Graduate Research Assistant).
- c) **“Tugas Rasmi”** bermaksud tugasan yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus/latihan yang dibenarkan.
- d) **“Latihan”** bermaksud proses pemindahan ilmu pengetahuan bertujuan bagi menambah pengetahuan, kemahiran, sikap yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa di UKM.
- e) **“Majlis/ Acara Rasmi UKM”** bermaksud mesyuarat/ persidangan/ konvensyen/ aktiviti/ acara/ program rasmi Universiti yang khusus dan wajib diraikan secara rasmi di peringkat Universiti/ PTJ/ Kolej/ Fakulti.

- f) “**Pakej Latihan**” bermaksud perolehan yang dibuat dalam satu pesanan rasmi merangkumi kombinasi man-a-mana item kemudahan latihan seperti penginapan, makanan, dewan, bilik latihan, peralatan, dan bahan yang berkaitan dengan latihan daripada penyedia kemudahan latihan; dan
- g) “**Pakej Majlis/ Acara Rasmi UKM**” bermaksud perolehan yang dibuat dalam satu pesanan rasmi merangkumi kombinasi mana-mana item bagi menganjurkan majlis/ acara rasmi Universiti dan jamuan rasmi seperti penginapan, makanan, dewan/ bilik mesyuarat, peralatan dan kemudahan lain yang berkaitan.

3.3. Kadar Meraikan Pensyarah/ Profesor Pelawat

- a) “**Pensyarah/ Profesor Pelawat**” bermaksud pensyarah atau profesor yang diundang mengajar atau memberi ceramah dari sesebuah Universiti lain untuk satu tempoh masa tertentu. Pensyarah/ Profesor pelawat boleh dilantik secara sepenuh masa oleh IPT yang lain dan boleh diundang ke UKM sebagai pensyarah/professor pelawat.
- b) “**Kadar Meraikan Pensyarah/Profesor Pelawat**” bermaksud kadar meraikan yang dibenarkan sepanjang tempoh lawatan pensyarah/ profesor pelawat iaitu dua (2) kali iaitu ketika masa sampai dan masa balik dengan had maksima empat (4) pengiring bagi seorang (1) pensyarah/ professor pelawat meliputi perbelanjaan jamuan meraikan dalam tempoh lawatan.

4. KADAR YANG DITETAPKAN

- 4.1. Kadar Jamuan dan Borang Jamuan Universiti (rujuk **Lampiran A1** dan **Lampiran A2**).
- 4.2. Kadar Kelayakan Pakej Hotel (rujuk **Lampiran B1**, **Lampiran B2** dan **Lampiran B3**).
- 4.3. Kadar Meraikan Pensyarah/ Profesor Pelawat (rujuk **Lampiran C**).

5. TANGGUNGJAWAB PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTj)

- 5.1. Pusat tanggungjawab perlu memastikan:
 - a) Kelulusan tempahan jamuan adalah tertakluk kepada kadar sepertimana di **Lampiran A1** dan **Lampiran A2** serta dan had kuasa melulus pesanan yang telah ditetapkan.
 - b) Langkah perbelanjaan berhemah dan tiada pembaziran dalam tempahan jamuan yang dibuat diberikan perhatian, terutamanya tempahan melebihi jumlah ahli mesyuarat dan mesyuarat yang dibatalkan.
 - c) Tiada tambahan peruntukan akan diberi sekiranya peruntukan telah habis digunakan.
 - d) Pembiayaan melalui sumber janaan sendiri atau tabung dan akaun amanah adalah digalakkan.

- e) Mematuhi peraturan pemberi dana penyelidikan/ endowmen dan pembiaya dana.
- f) Penyediaan jamuan oleh katerer menepati protokol majlis/ acara yang dijalankan.
- g) Digalakkan membuat **70 peratus tempahan jamuan makanan** dari jumlah jemputan sebenar bagi mengelakkan tempahan berlebihan.
- h) Sekiranya tempahan makanan dilaksanakan secara dalam talian, caj penghantaran telah termasuk dalam kos sajian makanan yang dinyatakan dalam kadar jamuan Universiti.

6. KONSEP PELAKSANAAN

- 6.1. Syarat yang perlu dipertimbangkan sebelum pengajuran sesuatu aktiviti/ program:
 - a) Tempahan makan dan minum **TIDAK DIBENARKAN** bagi mesyuarat yang kurang daripada 1 jam.
 - b) Makan tengah hari tidak disediakan bagi mesyuarat/ bengkel/ kursus/ seminar/ majlis rasmi kecuali yang tempoh masa lebih daripada 6 jam atau yang melibatkan Pengerusi LPU/ Ahli LPU/ Naib Canselor dan tetamu luar.
 - c) Mesyuarat kurang daripada 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.
 - d) Jamuan berkonseptan ‘self-cater’ iaitu PTJ boleh menyediakan sendiri jamuan ringan amat digalakkan.
 - e) Jamuan ringan melalui ‘self-cater’ adalah dibenarkan menggunakan Panjar Wang Runcit Umum Jabatan dengan tuntutan maksima RM250.00 per resit tuntutan bagi setiap jamuan ringan yang disediakan (dengan syarat tidak melebihi kadar jamuan yang ditetapkan).
 - f) Pelaksanaan kadar jamuan baru ini juga meliputi kaedah penyediaan jamuan melalui pemberian baucar/ kupon makanan terutamanya bagi program penjanaan seperti webinar, kursus, seminar, persidangan atau lain-lain aktiviti tertakluk kepada had kadar yang dibenarkan.
 - g) Konsep kadar siling atau kadar maksimum jamuan mengikut kategori-kategori tertentu diamalkan bagi melaksanakan perbelanjaan berhemah dalam aktiviti rasmi Universiti.
 - h) Kadar yang lebih fleksibel dan kompetitif boleh dipertimbangkan bagi jamuan aktiviti penjanaan tertakluk kepada keupayaan penjanaan pendapatan.

7. SYARAT- SYARAT PENGGUNAAN DAN PENYEDIAAN

7.1. KADAR JAMUAN UNIVERSITI

- a) Ketua PTj diminta membuat perancangan rapi mengenai keraian yang dibenarkan dibuat oleh PTj mengikut peruntukan Universiti yang diberikan.
- b) Kekerapan mengadakan Keraian Rasmi mestilah dihadkan kepada aktiviti rasmi yang dianggap penting dan perlu sahaja.
- c) Ketua PTj diminta membuat perancangan awal aktiviti/ program untuk mengelakkan kos yang lebih tinggi, jika diuruskan disaat-saat akhir.
- d) PTj boleh mengatur jamuan Keraian Rasmi secara “catering” melalui lantikan katerer atau berkonsep self-cater iaitu PTj boleh menyediakan sendiri jamuan ringan.
- e) Mesyuarat atau aktiviti yang tidak termasuk didalam kategori perbelanjaan keraian dibenarkan, hendaklah mendapatkan kelulusan Naib Canselor/Bendahari UKM sebelum membuat tempahan dan pesanan makanan/minuman dengan pihak tertentu.
- f) Hidangan minuman keras adalah tidak dibenarkan bagi maksud perbelanjaan Keraian Rasmi Universiti.
- g) Tempahan/pembelian makanan /minuman/ jamuan bagi tujuan Keraian Rasmi hendaklah mengikut peraturan perolehan yang berkuatkuasa.
- h) Universiti tidak akan membuat bayaran bagi tempahan/ pembelian makanan/ minuman/ jamuan yang tidak mengikut peraturan perolehan yang berkuatkuasa.
- i) Bilangan tetamu atau pelawat yang dijemput hendaklah dihadkan kepada mereka yang berkaitan secara langsung dengan urusan rasmi sahaja. Sekiranya melibatkan staf pengiring, bilangan maksimum adalah terhad seramai empat (4) orang sahaja.
- j) Perbelanjaan keraian rasmi yang dibenarkan oleh Universiti adalah seperti kadar jamuan Universiti di **Lampiran A1**.
- k) Jabatan Bendahari tidak akan melayan permohonan melebihi kadar yang ditetapkan sepetimana di **Lampiran A1**. Sekiranya masih terdapat tempahan jamuan yang melebihi kadar, ianya akan dibiayai oleh Ketua/Pegawai PTj yang meluluskan tempahan tersebut.
- l) Bagi majlis/ acara rasmi Universiti, kadar tempahan jamuan adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa pengajur dan kelulusan dari Bendahari UKM/ Ketua Jabatan Kewangan HCTM/HPKK. Permohonan kelulusan perlulah dibuat selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum majlis/ acara berlangsung.
- m) Bagi jamuan yang melebihi kadar, kelulusan adalah daripada Bendahari UKM sahaja, dan Bendahari UKM boleh mewakilkan kuasa kepada Timbalan Bendahari/Ketua Jabatan Kewangan mengikut lokasi masing-masing yang berkaitan

7.2. KADAR KELAYAKAN PAKEJ HOTEL

7.2.1 SYARAT UMUM PENYEDIAAN DAN PENGGUNAAN PAKEJ HOTEL

- a) Peserta yang dibenarkan terdiri daripada kakitangan pegawai atau pelajar UKM yang layak bersesuaian dengan tujuan /matlamat program tertakluk kepada peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- b) Had maksimum bilangan hari untuk melaksanakan pakej ditetapkan dalam tugasan rasmi atau kursus adalah 3 hari 2 malam.
- c) Program yang dibenarkan menggunakan perkhidmatan hotel adalah dalam lingkungan 25 km dari ibu pejabat, jika tidak bermalam dan melebihi 25 km dari ibu pejabat jika bermalam.
- d) Mesyuarat tidak dibenarkan diadakan di hotel.
- e) Pengecualian diberi bagi aktiviti/ acara anjuran Universiti yang berimpak tinggi adalah dibenarkan diadakan di hotel terutamanya melibatkan pemberian dana, kerjasama strategik dan penjanaan pendapatan (Hotel 3-5 bintang - Program Universiti dan Hotel 1-2 bintang - Program Pelajar).
- f) Kajian pasaran perlu dilakukan dan Pesanan Rasmi hendaklah dikeluarkan sebelum perkhidmatan diterima atau program berlangsung.

7.2.2 KADAR KELAYAKAN PAKEJ HOTEL BAGI TUGAS RASMI/ SEMINAR/ BENGKEL/ SEMINAR/ SANGGAR KERJA/ KURSUS

A. Kategori Pakej Hotel Bermalam

- a) Kadar pakej hotel bermalam untuk seorang adalah termasuk;
 - i. Bilik penginapan.
 - ii. Makanan dan minuman
 - iii. Bilik Seminar, dewan, bilik mesyuarat atau latihan
 - iv. Penyewaan peralatan, kelengkapan dan kemudahan bilik seminar yang asas
- b) Kadar Kelayakan Pakej Hotel Bermalam untuk **tugas rasmi** seperti bengkel/ sanggar kerja/seminar adalah seperti **Lampiran B1**.
- c) Kadar Kelayakan Pakej Hotel Bermalam untuk **kursus** adalah seperti di **Lampiran B2**.
- d) Jika kadar pakej hotel melebihi kadar di 7.2.2(A) (b&c), lebihan kos boleh dibayai oleh lebihan kelayakan kakitangan yang lain. Jika tiada lebihan kelayakan, maka lebihan kos adalah ditanggung oleh kakitangan sendiri.

- e) Kadar pakej hotel ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.

B. Kategori Pakej Hotel Tidak Bermalam

- a) Kadar pakej termasuk makan dan penggunaan bilik seminar dengan keperluan asas.
- b) Kadar Pakej Tidak Bermalam bagi seminar/ bengkel/ sanggar kerja/ kursus adalah seperti di **Lampiran B3**.
- c) Kadar adalah terpakai untuk semua gred jawatan.
- d) Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.

7.3. KADAR MERAIKAN PENSYARAH / PROFESOR PELAWAT

- a) Peserta diraikan adalah profesor/pensyarah pelawat yang layak, bersesuaian dengan tujuan/ matlamat program tertakluk kepada peraturan dan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.
- b) Maksima keraian dibenarkan hanya 2 kali sepanjang tempoh lawatan, iaitu semasa sampai dan semasa balik.
- c) Bilangan pengiring dari fakulti yang dibenarkan adalah **maksima 4** orang sahaja bagi setiap pelawat. Jika lebih dari 2 pelawat yang dirai pada sesuatu masa bilangan pengiring paling ramai adalah 8 orang sahaja.
- d) Kadar maksima yang dibenarkan adalah **RM100.00/seorang sahaja** (Rujuk **Lampiran C**)
- e) Keraian bergantung kepada adanya peruntukan PTj/projek yang mencukupi dan diluluskan.
- f) Jamuan yang lebih dari kadar yang dibenar adalah di bawah tanggungan persendirian pegawai yang merai.
- g) Hidangan minuman keras (liquor) adalah tidak dibenarkan dan tidak ditanggung bayaran.
- h) Kadar ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan

8. PENGUATKUASAAN

- 8.1. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai **01 Ogos 2022**.
- 8.2. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Bendahari Bil. 8/2022 ini, maka Pekeliling Bendahari Bil. 3/2012: Kadar Kelayakan Pakej Hotel dan Kadar Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat dan Pekeliling Bendahari Bil. 4/2016: Peraturan Mengadakan Jamuan Universiti adalah **terbatas**.

KADAR HARGA JAMUAN ATAU KERAIAN RASMI UNTUK MAJLIS/ ACARA RASMI UNIVERSITI

Bil	Pengerusi Mesyuarat	Jenis Keraian	Lokasi	Kadar & Syarat (RM)				
1	Pengerusi LPU	Mesyuarat / Program/ Meraikan Tetamu Luar. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat LPU ● Majlis dihadiri tetamu VIP dari luar (bukan warga Universiti) dan bersifat protokol seperti Menteri atau Timbalan Menteri atau Duta Asing. 	Pejabat/ Dalam Kampus	<table border="1"> <tr> <td>Pagi/Petang</td><td>RM12.00</td></tr> <tr> <td>Tengahari/Malam</td><td>RM35.00</td></tr> </table>	Pagi/Petang	RM12.00	Tengahari/Malam	RM35.00
Pagi/Petang	RM12.00							
Tengahari/Malam	RM35.00							
Kadar Pakej Mesyuarat / Program: RM123.00 sehari								
2	Ahli LPU//Naib Canselor UKM	Mesyuarat / Program/ Meraikan Tetamu Luar Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat Jawatankuasa dibawah LPU seperti JKTK, JKAudit dan lain-lain ● Mesyuarat MJPU ● Mesyuarat Senat 	Pejabat/ Dalam Kampus	<table border="1"> <tr> <td>Pagi/ Petang</td><td>RM8.00</td></tr> <tr> <td>Tengahari/Malam</td><td>RM20.00</td></tr> </table>	Pagi/ Petang	RM8.00	Tengahari/Malam	RM20.00
Pagi/ Petang	RM8.00							
Tengahari/Malam	RM20.00							
Bil	Peserta	Jenis Keraian	Lokasi	Kadar & Syarat (RM)				
3	Kakitangan UKM	1) Mesyuarat dalaman melibatkan warga kampus sahaja Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ● Temuduga ● Jawatankuasa Pemilihan Sebutharga/ Tender 	Pejabat/ Dalam Kampus	Pakej Jamuan: <table border="1"> <tr> <td>Pagi/Petang</td><td>RM7.00</td></tr> <tr> <td>Tengahari/Malam</td><td>RM14.00</td></tr> </table> <p>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/Malam	RM14.00
Pagi/Petang	RM7.00							
Tengahari/Malam	RM14.00							
Jemputan Luar	2) Mesyuarat melibatkan jemputan luar (bukan warga universiti) Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat pembukaan Audit SIRIM/ Audit Negara ● Mesyuarat Tender 	Pakej Bengkel: <table border="1"> <tr> <td>Pagi - Petang</td><td>RM28.00</td></tr> <tr> <td>Pagi - Malam</td><td>RM35.00</td></tr> </table> <p>(Tempahan minum malam "supper" adalah tidak dibenarkan)</p>	Pagi - Petang	RM28.00	Pagi - Malam	RM35.00		
Pagi - Petang	RM28.00							
Pagi - Malam	RM35.00							

LAMPIRAN A1

4	Kakitangan/ Pelajar dalam dan luar (bukan warga Universiti)	Bengkel / Seminar/ Ceramah/ Talk/ Kursus/ Lawatan/ Aktiviti Pelajar /Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> ● Program menggunakan prasarana dalam kampus seperti bilik/ dewan kuliah/ mesyuarat/ seminar PTj dan dibiayai oleh peruntukan Universiti/PTj <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Taklimat kepada pelajar baru - Lawatan khas dari luar seperti lawatan dari sekolah/ Universiti luar - Mengawas peperiksaan - Jamuan petugas bagi majlis/ acara yang dianjurkan PTj 	Dalam Kampus – Bangi/ KL/ Cheras	<p>Pakej Jamuan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi/Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM7.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tengahari/Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM14.00</td> </tr> </table> <p>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</p> <p>Pakej Bengkel:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM28.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM35.00</td> </tr> </table> <p>(Tempahan minum malam “supper” adalah tidak dibenarkan)</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/Malam	RM14.00	Pagi - Petang	RM28.00	Pagi - Malam	RM35.00
Pagi/Petang	RM7.00											
Tengahari/Malam	RM14.00											
Pagi - Petang	RM28.00											
Pagi - Malam	RM35.00											
<ul style="list-style-type: none"> ● Program menggunakan prasarana kampus dan dibiayai oleh melalui pendapatan yang dijana. (yuran dan sumbangan yang diterima dari pihak luar) 	Dalam Kampus – Bangi/ KL/ Cheras	<p>Pakej Jamuan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi/Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM7.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tengahari/ Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM14.00</td> </tr> </table> <p>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</p> <p>Pakej Bengkel:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi-Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM28.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi- Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM42.00</td> </tr> </table> <p>(Tempahan minum malam “supper” adalah tidak dibenarkan)</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/ Malam	RM14.00	Pagi-Petang	RM28.00	Pagi- Malam	RM42.00		
Pagi/Petang	RM7.00											
Tengahari/ Malam	RM14.00											
Pagi-Petang	RM28.00											
Pagi- Malam	RM42.00											
5	Kakitangan/ Pelajar (Warga Universiti) dan pihak luar (bukan warga Universiti)	Bengkel/Seminar/Ceramah/ Talk melibatkan aktiviti pelajar penyelidikan atau khidmat masyarakat dibiayai oleh peruntukan universiti/ PTj melibatkan kakitangan/ pelajar dalam dan luar (bukan warga universiti) seperti responden/pesakit. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> ● Program OPKIM dan sukarelawan Aktiviti kerja lapangan penyelidikan 	Luar Kampus termasuk Pusat Latihan dan Makmal Alami UKM	<p>Pakej Jamuan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi/Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM7.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tengahari/ Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM14.00</td> </tr> </table> <p>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/ Malam	RM14.00				
Pagi/Petang	RM7.00											
Tengahari/ Malam	RM14.00											

LAMPIRAN A1

		(Pakej ini tidak termasuk harga sewa bilik seminar/ dewan)		Pakej Bengkel: <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi-Petang</td><td style="padding: 2px;">RM28.00</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi- Malam</td><td style="padding: 2px;">RM35.00</td></tr> </table> <p style="text-align: center;"><i>(Tempahan minum malam “supper” adalah tidak dibenarkan)</i></p>	Pagi-Petang	RM28.00	Pagi- Malam	RM35.00				
Pagi-Petang	RM28.00											
Pagi- Malam	RM35.00											
6	Kakitangan/ pelajar (Warga Universiti) dan pihak luar (bukan warga Universiti)	<p>Mesyuarat/ Program yang dibiayai oleh pendapatan yang dijana (yuran dikutip atau sumbangan yang diterima dari pihak luar)</p> <p>1) Geran penyelidikan – tertakluk kepada peraturan pemberi dana/ kelulusan CRIM</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat/ Aktiviti projek penyelidikan <p>2) Aktiviti/ Program Janaan Pendapatan PTj- Termasuk dalam pengiraan perbelanjaan program dengan syarat tiada lebihan perbelanjaan berlaku.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat/ Aktiviti anjuran Akaun Seminar PTj <p>3) Mesyuarat / aktiviti penjanaan lain dan endowmen - tertakluk kepada peraturan pemberi dana / kelulusan pemegang amanah.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen MPOB 	Dalam / Luar Kampus	<p>Pakej Jamuan:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi/Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM7.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tengahari/Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM14.00</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;"><i>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</i></p> <p>Pakej Bengkel:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Petang</td> <td style="padding: 2px;">RM28.00</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Malam</td> <td style="padding: 2px;">RM42.00</td> </tr> </table> <p style="text-align: center;"><i>(Tempahan minum malam “supper” adalah tidak dibenarkan)</i></p> <p>Atau tertakluk kepada kadar diluluskan oleh pemberi dana dan sumber janaan pendapatan PTj.</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/Malam	RM14.00	Pagi - Petang	RM28.00	Pagi - Malam	RM42.00
Pagi/Petang	RM7.00											
Tengahari/Malam	RM14.00											
Pagi - Petang	RM28.00											
Pagi - Malam	RM42.00											
7	Kakitangan/ Pelajar UKM (Warga Universiti)	<p>Majlis Rasmi Universiti sama ada perasmian atau penutup yang wajib dianjurkan oleh Universiti, diadakan dalam kampus, dihadiri warga kampus dan bersifat protokol tanpa tetamu VIP dari luar.</p> <p>Universiti:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Majlis Konvokesyen ● Konsert Diraja 	Dalam Kampus	<p>Pakej Jamuan (Tempahan katerer)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Minum Pagi/Petang <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">VIP</td> <td style="padding: 2px;">RM15 per pax</td> </tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tetamu</td> <td style="padding: 2px;">RM10 per pax</td> </tr> </table>	VIP	RM15 per pax	Tetamu	RM10 per pax				
VIP	RM15 per pax											
Tetamu	RM10 per pax											

LAMPIRAN A1

		<ul style="list-style-type: none"> ● Majlis Ulangtahun UKM ● Majlis Meraikan Pesara ● Syarahan Umum/ Perdana ● Jamuan tahunan Kolej-kolej <p>PTj:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kakitangan ● Majlis Pemakaian Jubah Pelajar PhD ● Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang ● Aktiviti Minggu Keselamatan Kesehatan & Pekerjaan PPUKM 		<ul style="list-style-type: none"> ● Makan Tengahari/ Malam <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">VIP</td><td style="padding: 2px;">RM20 per pax</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tetamu</td><td style="padding: 2px;">RM15 per pax</td></tr> </table>	VIP	RM20 per pax	Tetamu	RM15 per pax				
VIP	RM20 per pax											
Tetamu	RM15 per pax											
8	Tetamu luar VIP (bukan warga Universiti)	Majlis dihadiri oleh tetamu VIP dari luar (bukan warga dan bersifat protokol Contoh: Majlis menandatangani MOU	Dalam Kampus	<p>Pakej Jamuan (Tempahan katerer)</p> <ul style="list-style-type: none"> ● Minum Pagi/Petang <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">VIP</td><td style="padding: 2px;">RM15 per pax</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tetamu</td><td style="padding: 2px;">RM10 per pax</td></tr> </table> <ul style="list-style-type: none"> ● Makan Tengahari/ Malam <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">VIP</td><td style="padding: 2px;">RM20 per pax</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tetamu</td><td style="padding: 2px;">RM15 per pax</td></tr> </table>	VIP	RM15 per pax	Tetamu	RM10 per pax	VIP	RM20 per pax	Tetamu	RM15 per pax
VIP	RM15 per pax											
Tetamu	RM10 per pax											
VIP	RM20 per pax											
Tetamu	RM15 per pax											
9	Tetamu luar seperti: <ul style="list-style-type: none"> ● pensyarah / profesor pelawat ● pemberi dana ● lawatan khas dari luar berkaitan aktiviti penjanaan 	Majlis meraikan Tetamu Luar dengan menggunakan khidmat katerer	Dalam / Luar Kampus	<p>Pakej jamuan (Tempahan katerer):</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi/Petang</td><td style="padding: 2px;">RM7.00</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Tengahari/Malam</td><td style="padding: 2px;">RM14.00</td></tr> </table> <p>(Kurang 6 jam dibenarkan minum pagi/ petang sahaja)</p> <p>Pakej Bengkel:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Petang</td><td style="padding: 2px;">RM28.00</td></tr> <tr> <td style="padding: 2px;">Pagi - Malam</td><td style="padding: 2px;">RM35.00</td></tr> </table> <p>(Tempahan minum malam "supper" adalah tidak dibenarkan).</p>	Pagi/Petang	RM7.00	Tengahari/Malam	RM14.00	Pagi - Petang	RM28.00	Pagi - Malam	RM35.00
Pagi/Petang	RM7.00											
Tengahari/Malam	RM14.00											
Pagi - Petang	RM28.00											
Pagi - Malam	RM35.00											

 <p>UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i></p>	UKM-SPKP-BEN-PK11-GP01-B001		No Semakan: 04	Tarikh Kuatkuasa: 01/08/2022			
	BORANG PESANAN JAMUAN						
PEMBEKAL:							
TEMPAT:							
TARIKH:	MASA MULA:	MASA TAMAT:		NO. TEL:			
TUJUAN:							
PESANAN (Tandakan (√)): Sila rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 8/2022: Penetapan Kadar Baru Bagi Jamuan Universiti, Kelayakan Pakej Hotel Dan Keraian Pensyarah/ Profesor Pelawat sebelum membuat tempahan.							
KATEGORI	KADAR JAMUAN (Tidak Melebihi)						
	Pagi		Tengahari		Petang		Malam
MESYUARAT (dipengerusikan) - Pengurus LPU - Ahli LPU/ Naib Canselor	RM12.00 RM8.00		RM35.00 RM20.00		RM12.00 RM8.00		RM35.00 RM20.00
MESYUARAT - Dalaman/ Tetamu Luar - Tetamu Luar (bagi aktiviti Penjanaan/Endowmen)	RM7.00 RM7.00		RM14.00 RM14.00		RM7.00 RM7.00		
SEMINAR/ BENGKEL/ KURSUS/LAWATAN/ AKTIVITI PELAJAR/ PENYELIDIKAN (Dalam & Luar Kampus) - Peruntukan Universiti/PTj - Pendapatan yang dijana / Geran Penyelidikan			RM14.00 RM14.00		RM7.00 RM7.00		RM14.00 RM14.00
MAJLIS RASMI/ PERASMIAN - Warga Kampus sahaja - Melibatkan tetamu VIP dari luar							
VIP Tetamu	RM15.00 RM10.00		RM20.00 RM15.00		RM15.00 RM10.00		
MERAIKAN TETAMU LUAR	RM7.00		RM14.00		RM7.00		
Tuntutan Panjar Umum Jabatan Maksima RM250.00 • Nyatakan RM per resit per jamuan (dengan syarat tidak melebihi kadar jamuan yang ditetapkan).							
Syarat-syarat: 1. Tiada jamuan disediakan bagi mesyuarat yang kurang dari 1 jam 2. Tempahan jamuan makan tengahari dibenarkan sekiranya mesyuarat melibatkan tempoh masa 6 jam 3. Mesyuarat yang kurang 6 jam hanya boleh disediakan jamuan ringan.							

LAMPIRAN A2

PESERTA: (Sila buat lampiran jika ruangan tidak mencukupi)		
1.	6.	11.
2.	7.	12.
3.	8.	13.
4.	9.	14.
5.	10.	15.
PEMOHON:	JAWATAN:	
JABATAN:	PERUNTUKAN:	
KELULUSAN: Dekan/ Ketua Jabatan/ Pegawai Pentadbiran 		
TANDATANGAN & COP JABATAN		TARIKH:
Peringatan kepada Pembekal: Pihak Universiti tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tempahan yang tidak mengikut peraturan		

Peraturan:

1. Jabatan Bendahari tidak akan meluluskan pembayaran ke atas sebarang tempahan yang tidak mengikut peraturan
2. Tempahan yang melebihi kadar akan dibiayai oleh pegawai yang meluluskan tempahan ini
3. Pembayaran tidak akan dibuat jika borang pesanan jamuan ini tidak lengkap atau tidak mengikut peraturan
4. Borang hendaklah ditandatangan oleh pegawai yang diberi kuasa melulus
5. Borang ini boleh dicetak sendiri. Walaubagaimanapun PTJ perlu memastikan borang jamuan ini tidak disalahguna
6. Borang ini adalah terhad kepada tempahan sehingga RM500. Manakala tuntutan jamuan makanan dibenarkan melalui Panjar Wang Runcit Umum Jabatan terhad sehingga RM250 per resit bagi setiap jamuan.

Panduan tafsiran:

1. “**Kerajaan Rasmi**” bermaksud jamuan yang diadakan semasa penganjuran aktiviti/ program rasmi Universiti/ PTJ dengan menggunakan peruntukan universiti. Antara aktiviti/ program yang boleh diadakan dibawah “Kerajaan Rasmi” adalah seperti berikut;
 - i. Bengkel persidangan di peringkat Universiti dan PTJ.
 - ii. Majlis rasmi Universiti/ perasmian atau penutup yang wajib dianjurkan di peringkat Universiti/ PTJ.
 - iii. Meraikan tetamu luar samada dari dalam atau luar Negara yang wajib dianjurkan berkaitan urusan rasmi Universiti.
 - iv. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh pihak pengurusan Universiti atau PTJ termasuk pegawai Pengurusan & Profesional (P&P)
 - v. Mesyuarat yang melibatkan jemputan luar atas urusan rasmi Universiti.
2. “**Jemputan Luar**” bermaksud wakil agensi luar/ bukan warga Universiti yang dijemput menghadiri sesuatu mesyuarat berkaitan tugas rasmi Universiti.
3. “**Mesyuarat**” bermaksud sesuatu perbincangan atau yang seumpamanya yang diadakan berkaitan urusan rasmi universiti; dan
4. “**Mesyuarat Pengurusan Tertinggi**” bermaksud mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengerusi/ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Naib Canselor.
5. “**Majlis/ Acara Rasmi UKM**” bermaksud mesyuarat/ persidangan/ konvensyen/ aktiviti/ acara/ program rasmi Universiti yang khusus dan wajib diraikan secara rasmi di peringkat Universiti/ PTJ/ Kolej/ Fakulti.

**KADAR KELAYAKAN PAKEJ BERMALAM UNTUK TUGAS RASMI SEPERTI BENGKEL/
SANGGAR KERJA ATAU SEMINAR**

Gred Gaji Kakitangan (SSM)	Kelayakan Paket Hotel Termasuk Bilik Seminar
Utama Khas A	Kadar Sebenar
Utama Khas B, C	RM410
53,54	RM335
45-52	RM300
41-44	RM265
27-40	RM240
17-26	RM220
1-16	RM195
Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) PHD/Master - Setara Gred 41 (Nota 5)	RM265
Pembantu Penyelidik (RA) / Pelajar PHD/Master - Setara Gred 41 Sarjana Muda/ Diploma - Setara Gred 29 SPM - Setara Gred 19 (Nota 5)	RM265 RM240 RM220

Nota

- 1) Kadar pakej hotel bermalam adalah termasuk kos bilik penginapan, makanan dan minuman, bilik Seminar/dewan/ bilik mesyuarat/latihan, penyewaan peralatan, kelengkapan dan kemudahan bilik seminar yang asas.
- 2) Jika kadar kelayakan melebihi kadar pakej hotel, lebihan kos boleh dibiayai oleh lebihan kelayakan kakitangan yang lain. Jika tiada lebihan kelayakan, maka lebihan kos adalah ditanggung oleh kakitangan sendiri.
- 3) Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.
- 4) Sabah/ Sarawak/ WP- Labuan: Penambahan sebanyak RM15-50 daripada kelayakan sewa hotel Semenanjung Malaysia bagi gred 1-54 (Rujuk WP1.4).
- 5) Kelulusan JKTK Bil.2/2021 bertarikh 27 April 2021.

KADAR KELAYAKAN PAKEJ HOTEL BERMALAM UNTUK KURSUS

Gred Gaji Kakitangan (SSM)	Kelayakan Paket Termasuk Bilik Seminar
Utama Khas A	Kadar Sebenar
Utama Khas B, C	RM400
53,54	RM320
45-52	RM300
41-44	RM265
27-40	RM240
17-26	RM220
1-16	RM195
GRA / Pelajar Siswazah (PHD/Master) Setara Gred 41 (Nota 5)	RM265
RA (PHD/Master/ Sarjana Muda/ Diploma/ SPM) Setara Gred 41	RM265
Setara Gred 29	RM240
Setara Gred 19 (Nota 5)	RM220

Nota

- 1) Kadar pakej hotel bermalam adalah termasuk kos bilik penginapan, makanan dan minuman, bilik Seminar/ dewan/ bilik mesyuarat/ latihan, penyewaan peralatan, kelengkapan dan kemudahan bilik seminar yang asas.
- 2) Jika kadar kelayakan melebihi kadar pakej hotel, lebihan kos boleh dibiayai oleh lebihan kelayakan kakitangan yang lain. Jika tiada lebihan kelayakan, maka lebihan kos adalah ditanggung oleh kakitangan sendiri.
- 3) Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.
- 4) Sabah/ Sarawak/ WP- Labuan: Penambahan sebanyak RM15-30 daripada kelayakan sewa hotel Semenanjung Malaysia bagi gred 1-54 (Rujuk WP1.10).
- 5) Kelulusan JKTK Bil.2/2021 bertarikh 27 April 2021.

**KADAR KELAYAKAN PAKEJ HOTEL TIDAK BERMALAM BAGI TUGAS RASMI/SEMINAR/
BENGKEL/SANGGAR KERJA / KURSUS**

Jenis Pakej Tidak Bermalam	Kadar Kelayakan Pakej Termasuk Bilik Seminar Seorang (RM)
8.00 pagi hingga 5.00 Petang	RM160.00
8.00 pagi hingga 10.00 malam	RM230.00

Nota:

- 1) Kadar pakej termasuk makan dan penggunaan bilik seminar dengan keperluan asas.
- 2) Kadar ini terpakai untuk semua gred.
- 3) Kadar pakej ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.

KADAR MERAIKAN PENSYARAH/PROFESOR PELAWAT

Perkara	
1) Jumlah Maksima Keraian	2 kali setiap kali lawatan (waktu sampai dan balik)
2) Kadar maksima	RM100.00 seorang sahaja
3) Maksima bilangan pengiring setiap profesor /pensyarah pelawat	4 pengiring sahaja
4) Bilangan pengiring paling ramai	8 orang pengiring bagi lebih 2 orang profesor/ pensyarah pelawat

Nota:

- 1) Belanja keraian bergantung kepada adanya peruntukan PTJ/ projek.
- 2) Jamuan melebihi kadar yang dibenarkan adalah dibawah tanggungan persendirian pegawai yang merai.
- 3) Kadar ini tidak termasuk caj perkhidmatan dan cukai kerajaan.